

15 JUN 1999

Kelantan-Razaleigh

UMNO KELANTAN AKAN AKUR DENGAN KEPUTUSAN PRESIDEN PARTI

KOTA BAHARU, 15 Jun (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Kelantan bersedia menerima sesiapa sahaja yang dipilih oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pengerusi baru badan itu.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Annuar Musa berkata siapa yang akan memegang jawatan itu adalah terpulang kepada Perdana Menteri itu yang sekarang memegang jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

"Kita (Umno Kelantan) akan akur dengan keputusan Dr Mahathir," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, hari ini.

Annuar berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini bahawa Tengku Razaleigh Hamzah disebut-sebut akan dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan yang baru menggantikan Dr Mahathir.

Semalam, ketika ditemui pemberita bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) itu berkata: "Ini khabar angin dan disebar oleh orang yang mahu sebar khabar angin... saya pernah cakap dulu masih ada tokoh-tokoh lain yang lebih layak."

Ketika mengulas perkara yang sama, Setiausaha Perhubungan Umno Kelantan Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor berkata adalah menjadi hak presiden parti untuk melantik sesiapa yang layak untuk memegang jawatan berkenaan.

"Terserah kepada Presiden, apa yang difikirkan baik untuk parti... kita terima," katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Kelantan, Zahari Kechik berkata Pemuda sedia menerima sesiapa sahaja yang dipilih oleh Perdana Menteri untuk memegang jawatan berkenaan.

"Kita percaya orang yang dipilih oleh Presiden parti adalah yang boleh memperkukuhkan perpaduan di kalangan anggota parti serta membantu Barisan Nasional memenangi semula Kelantan pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

-- BERNAMA

BD NMO